

Lengkapkan sinopsis cerpen 'Hadiah' dengan jawapan yang betul.

Keluarga	Cikgu Zaleha	tawaran	emak
tudung saji	murid	berusaha	menerima
menganyam	duit	Kraf Tangan	Azizah
tidak	Karya Inovatif	Hari Guru	sedih
hadiah	guru	rekaan	bapa

Sekumpulan _____ bercakap-cakap tentang hadiah yang akan diberikan kepada _____

_____ kesayangan mereka sewaktu sambutan _____ nanti. Setiap murid menceritakan kehebatan hadiah yang akan diberikan. _____, seorang pelajar yang miskin tidak mampu untuk memberikan hadiah kepada guru kesayangannya, _____. Azizah berasa risau dan _____ kerana dia tidak mampu untuk membeli hadiah untuk gurunya.

Azizah cuba meminta _____ daripada _____nya, namun hampa kerana emaknya menyatakan bahawa dia _____ mempunyai duit untuk diberikan kepada Azizah. Azizah cuba meminta duit daripada _____nya pula. Namun, sekali lagi Azizah terpaksa menerima hakikat bahawa _____nya tidak mampu untuk memberi duit kepadanya.

Emaknya telah mencadangkan agar Azizah membuat _____ untuk dihadiahkan kepada Cikgu Zaleha. Setelah mempelajari cara _____ daripada emaknya, Azizah berusaha menyiapkan tudung saji yang cantik untuk diberikan kepada Cikgu Zaleha. Apabila Hari Guru tiba, Azizah menyerahkan _____ kepada guru kesayangannya. Azizah dikejutkan dengan _____ oleh Cikgu Zaleha kepadanya tentang suatu pertandingan.

Setelah _____ tawaran tersebut, Azizah _____ sedaya upayanya untuk menghasilkan pelbagai _____ berkualiti dan menarik. Akhirnya, dia memenangi Pertandingan _____ Peringkat Daerah dan seterusnya ke peringkat negeri. Sehingga dia akhirnya berjaya menambat hati juri di peringkat kebangsaan dengan memenangi Kategori _____.

